

**MAKLUMAN PENTING:  
PELAKSANAAN YURAN PER KREDIT  
BAGI PELAJAR MELEBIHI TEMPOH MINIMUM PENGAJIAN  
SEMESTER 2 SESI 2024/2025**

Sukacita dimaklumkan bahawa pada Semester 2 Sesi 2024/2025 pelajar yang melebihi tempoh minimum pengajian akan dikenakan pembayaran yuran secara yuran per kredit. Sila rujuk Peraturan Akademik Ijazah Sarjana Muda UNIMAS di Perkara 9 berhubung Tempoh Pengajian.

Struktur yuran per kredit untuk pelajar yang melebihi tempoh minimum pengajian adalah seperti jadual berikut:

Program	Tempoh Minimum Pengajian	Semester Melebihi Tempoh Minimum
3 tahun	6 semester	Semester ke 7 hingga ke 12
3 1/2 tahun	7 semester	Semester ke 8 hingga ke 13
4 tahun	8 semester	Semester ke 9 hingga ke 14

Pelaksanaan kaedah pembayaran yuran per kredit bagi pelajar yang melebihi tempoh minimum pengajian adalah seperti berikut:

- Yuran Pengajian** adalah menggunakan kadar bayaran **yuran per kredit** mengikut jumlah kredit yang diambil pada semester tersebut. Kadar adalah seperti jadual berikut:

Aliran	Pelajar tempatan		Pelajar Antarabangsa	
	Kursus Berkredit	Kursus Tidak Berkredit	Kursus Berkredit	Kursus Tidak Berkredit
Sastera	RM40.00 per kredit	RM40.00 per kursus	RM120.00 per kredit	RM120.00 per kursus
Sains / Kejururawatan	RM50.00 per kredit	RM50.00 per kursus	RM150.00 per kredit	RM150.00 per kursus

- Yuran berulang** akan dikenakan ke atas semua pelajar yang berdaftar dengan UNIMAS mengikut semester.
- Pelajar yang mengulang kursus selepas tempoh minimum pengajian akan **dikecualikan bayaran yuran ulangan kursus**.
- Pendaftaran pada Antarsesi akan dicaj mengikut kadar **Yuran Per Kredit**. Yuran berulang tidak akan dikenakan bayaran pada pendaftaran Antarsesi.

Pelaksanaan Yuran Per Kredit tidak terpakai ke atas pelajar Program Doktor Perubatan yang akan menggunakan kaedah pembayaran yuran pengajian sedia ada.

Pelajar yang telah melebihi tempoh minimum pengajian adalah dimestikan membuat permohonan Yuran Per Kredit melalui sistem InAFS. Kegagalan untuk memohon melalui InAFS akan menyebabkan pelajar tidak dapat mendaftar kursus.